



PENAMBAHBAIKAN
SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

PENAMBAHBAIKAN KENYATAAN DILAMPIRAN FAQ PKP TAHAP 2 (M/S 3)

1. Bolehkan perniagaan makanan menjalankan perniagaan secara pandu lalu?

Semua perniagaan menjual makanan hanya boleh menjalankan perniagaan secara pandu lalu (*drive thru*), bawa pulang (*take away*) atau penghantaran (*delivery*) sahaja dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

2. Adakah kantin di premis industri dan kilang boleh beroperasi semasa tempoh PKP Tahap 2?

Kantin di premis industri dan kilang yang tergolong dalam Perkhidmatan Perlu adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan mengamalkan syarat-syarat penjarakan sosial (*social distancing*) dan amalan kebersihan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Catatan: Sebarang perubahan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
4 APRIL 2020